

Tidak masuk akal iktiraf UEC

KOTA BHARU 21 Julai - Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (Peradaban) membantah hasrat kerajaan Pakatan Harapan untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC).

Presidennya, Datuk A. Aziz Deraman berkata, usaha mengiktiraf UEC untuk kemasukan ke universiti awam dan perkhidmatan kerajaan adalah tidak masuk akal kerana peperiksaan tersebut bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan dasar negara.

Malah, beliau berkata, dasar dan kurikulum sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) sendiri yang melaksanakan peperiksaan UEC juga amat berbeza dengan sistem dan dasar Kementerian Pendidikan dan jelas tidak mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

“Amat tidak logik dan tidak masuk akal apabila sesuatu keputusan diasaskan atas kepentingan politik dan pertimbangan perkaulan serta undi semata-mata dan bukan kenegaraan.

“Adalah satu ironi apabila kerajaan sendiri yang melanggar Perlembagaan Persekutuan, dasar dan undang-undang yang digubal oleh kerajaan sedangkan pembangunan dan pembinaan kesatuan negara bangsa hendaklah jangan terpesong daripada teras-teras konsep kenegaraan dan keperibadian bangsa.

“Kedua-duanya iaitu UEC dan SMPC adalah bertentangan dengan Fasal 152 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan



A. AZIZ DERAMAN

bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu sedangkan ia tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar sebaliknya bahasa Mandarin,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

A. Aziz berkata, peperiksaan UEC dan sistem persekolahan SMPC juga melanggar Seksyen 2, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi serta bercanggah dengan matlamat dan dasar pendidikan yang berpaksikan kepada Penyata Razak dan yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 kerana tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar utama.

Selain itu, katanya, keseluruhan matlamat SMPC, sistem, kualiti penilaian dan peperik-

saan, buku teks, bahan-bahan pendidikan, kaedah dan penerapan isi pendidikan tidak sama dan amat berbeza dengan sistem dan dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan jelas tidak mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Justeru itu, beliau menegaskan, kerajaan Pakatan Harapan tidak wajar melayan tuntutan supaya pelajar-pelajar SMPC tidak perlu mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kononnya memadai mengambil satu subjek Bahasa Melayu.

“Sekurang-kurangnya dengan adanya SPM, semua pelajar universiti awam dan kakitangan awam di negara ini sudah melalui proses pembelajaran dalam kedua-dua mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

“Sebagaimana yang diketahui, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ialah wahana perpaduan negara dan alat yang membentuk identiti bangsa Malaysia yakni jati diri sebuah negara bangsa manakala mata pelajaran Sejarah sangat penting dan semestinya diberi keutamaan bertujuan membentuk sahsiah warganegara,” katanya.

Jelas beliau lagi, penolakan terhadap UEC bukan kerana Pakatan Harapan kini berada di tampuk pemerintahan bahkan pihaknya akan turut bertegas membantah sebarang cadangan pengiktirafannya jika Barisan Nasional yang kekal memerintah.